

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 SIRI 2 MENGENAI AUDITAN KHAS
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR, AKTIVITI KEMENTERIAN/AGENSI
DAN PENGAUDITAN PEMATUHAN KEMENTERIAN/AGENSI NEGERI SARAWAK**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 Siri 2 mengenai Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Aktiviti Kementerian/Agensi dan Pengauditan Pematuhan Kementerian/Agensi negeri. Laporan ini mengandungi perkara berikut:

- 1.1. Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar di Jabatan Hutan Sarawak (JHS)**

Audit khas ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan aktiviti seperti berikut:

- i. Pencapaian Output**

Pencapaian output dari aspek hasil hutan dan pewartaan kawasan hutan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Hasil hutan sebenar bagi tahun 2016 hingga 2021 sejumlah RM2.934 bilion tidak mencapai sasaran ditetapkan sejumlah RM3.163 bilion. Selain itu, sasaran keluasan guna tanah bagi Hutan Simpan Kekal (HSK) dan Kawasan Terlindung Sepenuhnya (KTS) juga belum tercapai.

- ii. Pencapaian Keberhasilan**

Aktiviti perhutanan telah memberi impak positif daripada aspek ekonomi yang diukur berdasarkan sumber bekalan kayu balak yang berterusan dan pendapatan eksport industri perkayuan yang menyumbang kepada hasil Kerajaan negeri. Bagaimanapun, berdasarkan sampel Audit yang disemak, terdapat kes di mana kelemahan pengurusan hutan telah memberi impak negatif kepada alam sekitar. Selain itu, hasil temu bual Audit menunjukkan 30 responden orang asal bersetuju bahawa aktiviti usahasil di sekitar penempatan mereka memberi impak negatif terhadap keadaan sungai, aktiviti ekonomi setempat dan sosio budaya.

- iii. Pengurusan Aktiviti**

Antara isu berbangkit yang memerlukan perhatian adalah seperti berikut:

- 20 kawasan HSK belum warta dan setelah empat hingga tujuh tahun masih di peringkat *initial gazettement* (pewartaan awal);
- 27 kawasan HSK bertindih dengan 23 kawasan KTS melibatkan keluasan 266,320 hektar (ha);
- aktiviti usahasil hutan selepas penuaian mendapati lima daripada enam syarat aktiviti tidak dipatuhi oleh lima pelesen;

- enam pelesen ladang hutan tidak mencapai sasaran keluasan tanaman yang ditetapkan dalam *Tree Planting Plant* (TPP) dan tanaman pokok melebihi tempoh matang belum ditebang. Selain itu, kawalan terhadap penyakit dan perosak adalah kurang memuaskan menyebabkan pokok mati;
- 431 Kertas Siasatan belum selesai penyiasatan; dan
- tiga syarikat kuari menceroboh Taman Negara Niah, Miri melibatkan keluasan 18.30 ha. Terdapat penduduk setempat menanam kelapa sawit, getah, pokok limau serta membina bangunan di dalam Taman Negara Similajau, Bintulu.

1.2. Aktiviti Kementerian/Agensi Negeri

- a. Pelaksanaan dan Penyampaian Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Melalui Sistem Electronic Local Authority (eLA) 2 di Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak (MPHLG) [Peruntukan RM31.77 juta]

Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan sistem seperti berikut:

i. Pencapaian Output

Pencapaian output adalah cekap kerana *go-live* 17 daripada 18 sistem telah dilaksanakan mengikut tempoh dan 14 sistem telah berupaya menjana output yang ditetapkan.

ii. Pencapaian Keberhasilan

Pencapaian keberhasilan bagi keberkesanan Sistem eLA2 tidak dapat diukur kerana MPHLG tidak membuat penilaian. Berdasarkan penilaian keberhasilan Audit, Sistem eLA2 telah membantu pengurusan operasi PBT dengan cara menambah baik pelaksanaan dan penyampaian perkhidmatannya. Bagaimanapun, ia boleh ditambah baik dengan memastikan semua sistem yang dipasang digunakan sepenuhnya.

iii. Pengurusan Sistem

Pengurusan Sistem eLA2 kurang cekap daripada aspek pentadbiran kontrak, pengurusan kawalan dalaman IT dan penyenggaraan sistem berikutan kelemahan seperti berikut:

- terma Perjanjian Fasa 1 dan Fasa 2 yang tidak lengkap;
- penyalahgunaan kata laluan di dua daripada empat PBT yang dilawati;

- data yang tidak betul dan tidak sesuai dikunci masuk dan disahkan untuk diproses, data tidak diproses seperti sepatutnya, wujud perbezaan data dan penjana laporan yang kurang tepat; dan
 - kelulusan penjadualan semula *Turn Around Time* diperoleh daripada pengguna Sistem eLA2 yang sepatutnya diperoleh daripada pihak MPH LG.
- b. **Pengurusan Program Perumahan Rakyat Dimiliki (PPRM) dan Rumah Mesra Rakyat (RMR) di Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (MPHLG) dan Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC) [Peruntukan tahun 2016 hingga 2021 berjumlah RM287.75 juta]**

Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan PPRM dan RMR seperti berikut:

i. **Pencapaian Output**

Pencapaian output rumah yang siap dibina bagi PPRM adalah sebanyak 827 (64.2%) daripada 1,288 unit rumah. PPR Seduan di Bahagian Sibu yang melibatkan 461 (35.8%) unit rumah masih dalam pembinaan. Manakala rumah siap dibina bagi RMR adalah sebanyak 601 unit di seluruh negeri Sarawak. Manakala pencapaian output rumah yang diserahkan dan diduduki bagi PPRM dan RMR adalah baik dengan pencapaian sebanyak 1,220 (85.4%) daripada 1,428 unit rumah yang siap dibina.

ii. **Pencapaian Keberhasilan**

Pencapaian keberhasilan bagi penyediaan rumah yang mencukupi kepada golongan sasaran belum tercapai sepenuhnya kerana daripada 17,329 permohonan PPRM dan RMR yang layak hanya 1,220 (7%) permohonan telah diluluskan kerana rumah yang disediakan tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan golongan berpendapatan rendah B40.

iii. **Pengurusan PPRM dan RMR**

• **Pencapaian Kewangan**

Peruntukan pembangunan PPRM dan RMR yang diluluskan bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Disember 2021 adalah sejumlah RM287.75 juta yang melibatkan PPRM sejumlah RM246.88 juta dan RMR sejumlah RM40.87 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM170.66 juta (69.1%) melibatkan PPRM dan sejumlah RM40.87 juta (100%) bagi RMR telah dibelanjakan.

- **Pengurusan Rumah Siap**

Permohonan PPRM yang diluluskan sebanyak 619 (3.8%) daripada sejumlah 16,424 permohonan yang diterima. Permohonan RMR yang diterima sejumlah 905 dan hanya 601 (66.4%) diluluskan.

- **Pengurusan Pembiayaan**

Rumah teres setingkat bagi PPRM yang dibuat dengan keluasan 200 kaki persegi dan rumah sebuah setingkat bagi RMR yang dibina berkeluasan 750 kaki persegi telah ditawarkan serta dibeli oleh golongan berpendapatan rendah B40.

1.3. Pengauditan Pematuhan Kementerian/Agensi negeri

- a. Pengauditan Pematuhan telah dilaksanakan terhadap dua Kementerian dan tiga Agensi negeri melibatkan lima tajuk. Ketidakpatuhan terhadap pengurusan kewangan telah menyebabkan berlaku isu pembayaran tidak teratur, kerugian dan ketirisan wang awam berjumlah RM3.37 juta seperti berikut:

- i. **Pembayaran Tidak Teratur Berjumlah RM235,862**

- **MINTRED:** Pembiayaan berjumlah RM60,000 melebihi had ditetapkan;
- **MINTRED:** Yuran pengurusan terlebih dibayar kepada agensi pelaksana berjumlah RM16,130;
- **LSS:** Pembayaran perkhidmatan yang tidak dilaksanakan berjumlah RM81,657;
- **MDMD:** Perkhidmatan elektrik berjumlah RM18,000 tidak dibekalkan;
- **MDMD:** Pembayaran ke atas kerja yang tidak dapat disahkan berjumlah RM4,865;
- **MDSUB:** Perubahan kerja landskap diganti dan ditambah tanpa kelulusan Pegawai Penguasa berjumlah RM53,690; dan
- **MDSUB:** Peralatan elektrik tidak dipasang bernilai RM1,520.

- ii. **Pembaziran – RM1.54 juta**

- **MDSUB:** Medan selera yang dibina dengan kos berjumlah RM1.54 juta tidak dapat beroperasi disebabkan kelemahan skop kerja.

- iii. **Kerugian Wang Awam Berjumlah RM398,368**

- **MTCP:** Pembayaran untuk bilik yang tidak digunakan berjumlah RM238,350;

- **MTCP:** Pembayaran terlebih dibayar untuk kemudahan bilik penginapan petugas kerajaan berjumlah RM77,235;
- **MTCP:** pembayaran terlebih dibayar untuk kemudahan bilik penginapan *Person Under Surveillance* (PUS) berjumlah RM45,720; dan
- **MDSUB:** Bayaran ganti rugi tertentu dan ditetapkan terkurang dikutip berjumlah RM37,063; dan

iv. **Ketirisan Wang Awam Berjumlah RM1.20 juta**

- **LSS:** Caj tol ke atas kapal yang melalui bendungan Sungai Sarawak berjumlah RM1.20 juta tidak dikutip.

2. Keseluruhan syor audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah 28 syor, iaitu lima syor kepada JHS, sembilan syor kepada MPHLG dan 14 syor bagi Pengauditan Pematuhan.

